



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ● ● ●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [UMK dan MARA jalin kerjasama melalui Latihan Pembentukan Usahawan](#)

UMK dan MARA jalin kerjasama melalui Latihan Pembentukan Usahawan



NAIB Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, menerima surat tawaran program Latihan Pembentukan Usahawan (LPU) anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA), daripada Timbalan Menteri KKLW, YBhg. Dato' Hasan Malek pada Majlis Makan Malam Perdana Bersama Usahawan MARA Kelantan, di sebuah hotel, pada 1 Oktober 2012.

Tawaran program LPU ini merupakan satu lagi jalinan kerjasama antara UMK dan MARA bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai alam keusahawanan, peluang perniagaan dan juga sumber pembiayaan.

Program latihan ini bagi menyediakan peluang kepada pelajar UMK yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan dibawah bimbingan MARA apabila tamat pengajian nanti menerusi pelbagai pendedahan simulasi keusahawanan serta diberi peluang untuk menjalankan perniagaan.

Sementara itu, pada majlis itu Dato' Hassan berkata beberapa program Pembangunan Usahawan telah pun dilaksanakan oleh MARA dan telah berjaya melahirkan seramai 1354 usahawan dan bakal usahawan.

Menurutnya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa mencari mekanisme terbaik untuk membasmi kemiskinan melalui program keusahawanan dan strategi pembedayaan minda keusahawanan dengan menganjurkan seminar keusahawanan serta beberapa kerjasama latihan.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa menganjurkan program-program outreach serta pembedayaan minda keusahawanan terutamanya bagi

melahirkan usahawan luar dengan memberi pendedahan serta membangunkan budaya keusahawanan.

"Program ini merupakan salah satu daripada outreach program, dimana seminar usahawan diadakan untuk membuka minda dan memantapkan lagi perniagaan mereka. Sebagai contoh, di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bahagian Pembangunan Usahawan berperanan penting untuk menyuburkan minda usahawan di kalangan peniaga-peniaga kecil serta menyediakan individu yang ingin menjadi usahawan," katanya.



Bilangan Pelawat :
297654

[Penafian](#)
|
[Dasar Privasi](#)
|
[Dasar Keselamatan](#)
|
[Soalan Lazim](#)
|
[Hubungi Kami](#)
|
[Bantuan](#)
|
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.